

25/01/1997

Kad pintar kesan si berhutang

H H

KETIKA orang ramai sibuk bersiap-siap dan berbelanja bagi menyambut Aidilfitri, tidak ketinggalan ramai yang sibuk mencari duit untuk membayar hutang. Kali ini bukan kerana mereka membayar hutang lama yang ditagih oleh rakan disebabkan rakan itu juga mahu belanja sempena hari raya, tetapi hutang lama dengan Mara.

Sehingga Rabu lalu, lapan hari selepas Mara mengiklankan nama bekas pelajarnya yang berhutang dengan badan berkanun milik Bumiputera itu dalam akhbar tempatan, berduyun-duyun dan secara tiba-tiba mereka sedar tanggungjawab yang diabaikan selama ini.

Jika dulu mereka pandang ringan dan perleceh segala amaran Mara termasuk mengheret ke mahkamah supaya bayar pinjaman, sekarang mereka kebanyakannya mula bimbang. Bukan setakat bimbang sahaja malah rasa malu kerana akan ditempelak atau disindir rakan yang mengenali mereka terutamanya ketika belajar dulu apabila nampak nama tersiar dalam akhbar.

Mereka lebih malu apabila diketahui oleh rakan bahawa kini berpangkat tinggi di syarikat terkemuka, bergaji besar dan dikenali ramai pula. Apatah lagi jika rakan-rakan yang kenal itu adalah wartawan.

Setakat ini Mara memungut bayaran balik pinjaman sebanyak RM117,978 dalam tempoh lapan hari itu sejak senarai pertama nama mereka yang tidak membayar diiklankan di akhbar. Bagaimanapun daripada 131 orang yang buat bayaran balik, empat daripada mereka adalah antara 100 nama yang diiklankan pada 15 Januari lalu. Mungkin yang berempat itu berpangkat tinggi dan bergaji besar. Sebab itu mereka boleh bayar segera.

Agaknya bakinya 96 orang masih berikhtiar bagaimana untuk cari duit menjelaskannya. Mereka ini ada kira-kira tiga minggu sahaja lagi untuk membayarnya.

Selebihnya iaitu 127 yang mula membayar ialah nama mereka yang belum diiklankan. Difahamkan ada 2,300 nama yang akan diiklankan di akhbar tidak lama lagi yang didapati tidak pernah langsung mahu bayar hutang.

Jika degil juga, mungkin buat kali pertama mereka ini akan merasakan pengalaman bagaimana dihadapkan ke mahkamah. Kawan-kawan wartawan yang buat liputan di mahkamah juga dapat ambil kesempatan bertemu muka dengan rakan lama mereka ini setelah bertahun-tahun tidak dapat dihubungi.

Sehingga 1994, dikatakan 32,385 bekas pelajar tajaan Mara dilaporkan tidak membuat bayaran balik pinjaman membabitkan RM120.2 juta. Ini belum lagi hutang perniagaan. Lepas ini nama mereka juga perlu diiklankan dalam akhbar dan kalau boleh juga dalam Internet.

Ketam Batu percaya lebih ramai bekas pelajar yang terbabit akan menghubungi Mara untuk bayar hutang mereka. Lagipun hari baik bulan baik ini, selain bayar fitrah dan berzakat, elok jugalah selesaikan hutang lapuk kita.

Bagi Mara, kedatangan mereka ke kaunter bayaran kali ini memang sangatlah dialu-alukan! Mengenai bentuk bayaran, sebagaimana murahnya hati ketika memberi pinjaman, masih boleh bersabar tunggu hutang, kita rasa Mara sebab fungsinya memang mahu bantu orang Melayu, Ketam Batu rasa bersedia berunding dan menyesuaikan dengan kemampuan pembayar. Cuma kita harap jangan terima alasan yang tidak munasabah.

Ketika berada di Tokyo awal minggu ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mulai tahun depan, rakyat Malaysia dijangka dapat menggunakan kad pintar dalam semua transaksi elektronik termasuk sebagai kad kredit, telefon dan keahlian kelab dan juga kemungkinan sebagai kad pengenalan.

Kad pintar ini adalah satu daripada tujuh aplikasi utama diperkenalkan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC). Aplikasi lain termasuk sekolah bistari, kerajaan elektronik, teleperbankan dan teleperubatan.

Dengan adanya kad pintar, kita semua akan berurusan dengan jabatan, agensi dan badan berkanun kerajaan menggunakan komputer. Menerusi sekeping kad plastik sebesar kad kredit, yang mempunyai cip mikro dan jalur magnetik mengandungi pelbagai maklumat dalam bentuk elektronik, segala urusan memproses akan lebih mudah, selamat dan tepat.

Bank Negara Malaysia pula dikatakan sedang meneliti bagaimana kad pintar boleh digunakan dalam menjalankan tugas perbankan terutama sebagai rumah penjelasan. Jika dilaksanakan, kita semua akan hanya membawa dompet elektronik. Kad pintar ini boleh digabungkan dengan sistem simpanan seseorang yang boleh dikredit atau didebit secara elektronik melalui mesin ATM.

Apabila sesuatu urusan dijalankan, nilai itu akan ditolak secara elektronik oleh sebuah terminal yang boleh disambung pusat beli-belah mahupun Perbendaharaan Negara jika kita berurusan dengan kerajaan. Dengan perkembangan hebat multimedia dan teknologi maklumat, segala butiran mengenai seseorang dimuatkan di dalam kad itu. Akses kepada kad itu boleh juga disambungkan kepada Kementerian Dalam Negeri, termasuk juga Jabatan Polis dan Imigresen bagi memudahkan urusan mengesan seseorang yang dicari.

Apabila ini semua dapat dilaksanakan, kad pintar berkesan bagi segala urusan harian seperti membeli-belah, pembayaran bil, membayar tambang kenderaan dan termasuk juga membayar hutang dengan Mara.

Ketika itu tidak ada lagi alasan untuk sesiapa enggan membayar hutang kerana ia boleh dibuat secara komputer termasuk potongan berjadual setiap bulan menerusi kad pintar.

Bagi yang lari daripada hutang, bukan sesuatu yang sukar untuk mencari mereka kerana segala urusan yang dibuat menggunakan kad pintar akan dapat dikesan menerusi komputer yang dihubungkan dengan segala aplikasi dalam MSC. Ketika itu tidak payah lagi nama mereka diiklankan dalam akhbar tempatan.

(END)